



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	4 OKTOBER 2023	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	NRECC			

### Kerajaan teliti potensi bangunkan industri pertengahan, hiliran

**PUTRAJAYA** - Kerajaan sedang meneliti potensi untuk membangunkan industri pertengahan dan hiliran bagi industri mineral negara, kata Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Menurutnya, langkah tersebut dilaksanakan bagi memastikan potensi ekonomi industri berkenaan dapat direalisasikan sepenuhnya dan tidak hanya bergantung kepada pengeksporan mineral mentah.

"Pelaburan berkualiti komitmen daripada kerajaan-kerajaan negeri akan dapat memastikan industri yang diwujudkan memberi impak positif kepada ekonomi negara," katanya dalam kenyataan dikeluarkan pada Selasa sempena mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Industri Mineral (JKPPIM) pertama yang diadakan pada Isnin.

Antara yang menghadiri JKPPIM ialah menteri-menteri besar dan Exco-Exco yang bertanggungjawab terhadap pengurusan mineral serta



**NIK NAZMI**

pakar dalam bidang perlombongan, pemuliharaan alam sekitar dan pembuatan.

Tambah Nik Nazmi, JKPPIM merupakan forum bagi melihat dan memperincikan isu industri mineral negara serta membantu mempercepatkan proses pembuatan keputusan berkaitan industri mineral.

di samping menggalakkan kerjasama dan penyelarasan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam pengurusan isu-isu mineral.

"Jawatankuasa ini juga akan melihat keperluan dalam melaksanakan rangka kerja kebangsaan bagi pembangunan industri mineral contohnya untuk mengekstrakan unsur nadir bumi (REE)," ujarnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini berkata, kerajaan akan membangunkan dasar larangan eksport bahan mentah nadir bumi bagi mengelakkan eksploitasi dan kehilangan sumber, lantas menjamin pulangan maksimum buat negara. - *Bernama*

SH041023\_18